



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

i

**PENILAIAN PENTADBIRAN SEKOLAH TERHADAP KEBERKESANAN
PROGRAM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI MENINGKATKAN
KEMAHIRAN MENGAJAR GURU**

HALIF BIN MD SALEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

**KERTAS PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKANINI SEBAGAI
SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MENDAPAT
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan kertas projek penyelidikan PPB 6006 ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dari ringkasan-ringkasannya yang tiap-tiap satu diperjelaskan maksudnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tarikh: 30 Mac 2006


.....

HALIF BIN MD SALEH

No. Matrik: M20041000098

Program Sarjana Pendidikan

(Pengurusan Perniagaan)

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjung Malim.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

PENGESAHAN

Penulisan kertas projek penyelidikan PPB 6006 ini, telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi sebahagian syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Perniagaan), Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong malim, Perak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

.....
CHE MOHD ZULKIFLI B. CHE OMAR

Penyelia Kursus Kertas Projek Penyelidikan PPB 6006
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim,
Perak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI PENYAYANG
Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad S. A. W, serta para
sahabat dan sekelian pengikutnya.

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izinnya jua saya dapat menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya.

Penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat yang mendorong saya menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih tak terhingga terutama kepada Penyelia Projek saya Encik Che Mohd. Zulkifli bin Che Omar yang banyak membimbing dan membantu memberikan ilmu dan kefahaman tentang penulisan kertas projek ini, juga meredakan kegusaran saya dalam menyiapkannya. Hanya Allah yang dapat membalas jasanya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah-pensyarah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi yang mendidik saya dalam mendapatkan segulung ijazah, tanpa mereka saya tidak mungkin sampai ke tahap ini.



Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Pihak Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Jaya yang banyak membantu memberi ruang untuk saya mendapatkan ijazah ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan sepengajian saya samada dari kursus Pendidikan Pengurusan Perniagaan dan juga kursus Pengurusan Pendidikan.

Untuk Ayahbonda yang amat dikasihi, Md Saleh Ibrahim dan Saripah Md Rahim, Ibu mertua, Hajah Che Halimah bte Abd. Latif doa dan restu mereka adalah juga penyebab kejayaan ini.

Buat isteri tercinta Sakilah Mohammad Lawi yang amat-amat memahami perjuangan ini, buat kekasih hati papa, Muhammad Hazimuddin, Muhammad Hazmanuddin dan Muhammad Hilmanuddin yang sentiasa ingin dibelai, pengorbanan dan kesabaran merekalah pembakar semangat untuk meneruskan perjuangan.

Akhir sekali, semoga Allah memberkati kita semua dalam mencari keredaannya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tentang tahap keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dalam mempertingkatkan kemahiran guru dalam pengajaran di bilik darjah di 10 buah sekolah rendah dan menengah di Bandar Jengka, Pahang. Responden kajian adalah terdiri daripada 53 orang guru dari 5 buah sekolah rendah dan 95 orang dari sekolah menengah yang terpilih di Bandar Jengka, Pahang. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik dan ujian bertulis tentang tahap keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan. Analisia diskrifitif, Ujian t Sampel Bebas dan Anova Sehala menggunakan *Pakej Statiscal Package for Social Science (SPSS)* versi 11.5 digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan (1) 52.8% keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan adalah tinggi, (2) faktor demografik seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar guru memberikan perbezaan yang signifikan, (3) manakala faktor demografik yang lain seperti kumpulan perkhidmatan, jawatan guru dan mata pelajaran diajar tidak memberikan kesan perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan.



ABSTRACT

The aim of this research is to identify the effectiveness level of in-service training in upgrading the teacher's classroom teaching skills in 10 primary and secondary schools at Bandar Jengka, Pahang. The respondents of the study involves of 53 teachers from 5 selected primary schools and 95 teachers from secondary schools in Bandar Jengka, Pahang. The survey research consists of implemented questionnaires and written test regarding the level of training effectiveness and in-service training. The descriptive analysis, T-test freed sample and the one-tailed Anova uses Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5 in the survey. The research results showed that (1) 52.8% the training and in-service training level is high, (2) the demographic factors such as sex, age and teaching experience show the significant differences, (3) however the other demographic factors such as service group, teacher's position and the subject taught do not show any significant differences effect towards the effectiveness of the training and in service courses.



muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvi



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	8
1.3	Tujuan Kajian	11
1.4	Objektif kajian	11
1.5	Kerangka Konsep Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Hipotesis Kajian	16



**muka surat**

1.9	Definisi Operasional	17
1.9.1	Pentadbir Kurikulum Sekolah	17
1.9.2	Guru Sekolah Menengah dan Rendah	17
1.9.3	Penilaian	18
1.9.4	Keberkesanan	18
1.9.5	Kemahiran Mengajar Guru	19
1.9.6	Kursus Dalam Perkhidmatan	20
1.10	Kesimpulan	22



2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep dan Definisi Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	24
2.3	Pelbagai Perspektif Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	27
2.4	Model Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan Yang Berkesan	31
2.5	Faktor Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	35
2.6	Kajian-Kajian Mengenai Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	38
2.7	Kesimpulan	40





muka surat

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka bentuk Kajian	41
3.3	Sampel Kajian	43
3.4	Instrumen kajian	44
3.5	Kajian Rintis	46
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	49
3.7	Penganalisaan Data	50
3.7.1	Penentuan Tahap Keberkesanan	50
3.7.2	Pembinaan Taburan Kekerapan	51
3.7.3	Penganalisaan Mod, Min dan Peratusan	52
3.7.4	Panganalisaan Ujian t Sampel Bebas	52
3.7.5	Panganalisaan Anova Sehala	52
3.8	Kesimpulan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Profil Responden Penilai Mengikut Sekolah	55
4.2.1	Profil Responden Penilai Ikut Jantina, Umur, Jawatan dan Pengalaman Mengajar	56





muka surat

4.3	Profil Responden Di Nilai Mengikut Sekolah	58
4.3.1	Profil Responden Di Nilai Ikut Jantina, Umur, Kumpulan Perkhidmatan, Jawatan dan Pengalaman Mengajar	59
4.4	Tahap Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru	63
4.4.1	Apakah tahap keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan Dalam Meningkatkan kemahiran mengajar guru	63
4.5	Keputusan Hipotesis Kajian Tahap Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru	67
4.5.1	Keputusan Ujian t bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut jantina	68
4.5.2	Keputusan Ujian Anova bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut umur	69
4.5.3	Keputusan Ujian t Bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut kumpulan perkhidmatan	71





muka surat

4.5.4 Keputusan Ujian t bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut jawatan	72
4.5.5 Keputusan Ujian Anova bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut mata pelajaran diajar	74
4.5.6 Keputusan Ujian Anova bagi tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut pengalaman mengajar	75

4.6 Kesimpulan	77
-----------------------	-----------

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	79
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	79
5.2.1 Apakah tahap keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan terhadap guru di sekolah rendah dan menengah di kawasan Bandar Jengka	79





muka surat

5.2.2 Apakah pengaruh demografik guru mempengaruhi keberkesanan latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan terhadap guru di sekolah rendah dan menengah di kawasan Bandar Jengka

81

5.3 Rumusan kajian	82
5.4 Kesimpulan	85
5.5 Cadangan Perlaksanaan	85
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	86



BIBLIOGRAFI

89

LAMPIRAN A

94

LAMPIRAN B

99



SENARAI JADUAL

muka surat

Jadual 1.1	Bilangan Guru Yang Mengikuti Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia	7
Jadual 1.2	Peruntukan Kementerian Pelajaran Malaysia Untuk Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	9
Jadual 3.1	Bilangan Taburan Sampel Mengikut Sekolah	43
Jadual 3.2	Pembahagian Soalan Soal Selidik Mengikut Aspek Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	45
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan Item Soalan Mengikut Aspek Keberkesanan Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan	47
Jadual 3.4	Analisa Kebolehpercayaan – Alpha Croanbach Bagi Setiap Soalan	48
Jadual 3.5	Analisa Statistik Diskrifitif dan Inferens Bagi Persoalan dan Hipotesis Kajian	50
Jadual 3.6	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan	51
Jadual 4.1	Taburan Responden Penilai Mengikut Sekolah	55
Jadual 4.2	Taburan Responden Penilai Mengikut Jantina	56
Jadual 4.3	Taburan Responden Penilai Mengikut Umur	57
Jadual 4.4	Taburan Responden Penilai Mengikut Jawatan	57
Jadual 4.5	Taburan Responden Penilai Mengikut Pengalaman mengajar.	58
Jadual 4.6	Taburan Responden Di Nilai Mengikut Sekolah	59
Jadual 4.7	Taburan Responden Dinilai Mengikut Jantina	60

muka surat

Jadual 4.8	Taburan Responden Dinilai Mengikut Umur	60
Jadual 4.9	Taburan Responden Dinilai Mengikut Kumpulan Perkhidmatan	61
Jadual 4.10	Taburan Responden Dinilai Mengikut Jawatan	61
Jadual 4.11	Taburan Responden Dinilai Mengikut Mata pelajaran Diajar	62
Jadual 4.12	Taburan Responden Dinilai Mengikut Pengalaman mengajar.	62
Jadual 4.13	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru	64
Jadual 4.14	Min dan Sisihan Piawai Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru	64
Jadual 4.15	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru – Aspek Perancangan Pendidikan	65
Jadual 4.16	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru – Penyampaian Pengajaran	65
Jadual 4.17	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru – Pengurusan Bilik Darjah	66
Jadual 4.18	Tahap Keberkesanan Latihan Dan Kursus Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Guru – Penilaian	66



muka surat

Jadual 4.19	Keputusan Ujian t Bagi Skor Min keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru lelaki dan perempuan.	68
Jadual 4.20	Keputusan Ujian Anova Bagi Skor Min Keberkesanan Kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Di antara Guru Mengikut Umur	70
Jadual 4.21	Keputusan Ujian t Bagi Skor Min Keberkesanan Kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Di antara Guru Mengikut Kumpulan Perkhidmatan	71
Jadual 4.23	Keputusan Ujian Anova Bagi Skor Min Keberkesanan Kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Di antara Guru Mengikut Mata Pelajaran Diajar	74
Jadual 4.24	Keputusan Ujian Anova Bagi Skor Min Keberkesanan Kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Di antara Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	76
Jadual 4.25	Keputusan Hipotesis Kajian Terhadap Tahap Keberkesanan Kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengajar Di antara Guru Mengikut Faktor Demografik	77





SENARAI RAJAH

		muka surat
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
Rajah 2.1	Pusingan Dalam Satu Model Program Latihan – Program Perkembangan Professional, Long Beach Unified School District, California	32
Rajah 2.2	Model Perkembangan Staf	34

SENARAI SINGKATAN

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
ETEMS	EDUCATIONAL TEACHING ENGLISH IN MATHEMATIC SCIENCE			
JPNP	JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG			
KDP	KURSUS DALAM PERKHIDMATAN			
KPM	KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA			
KBSR	KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH			
LDP	LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN			
PPSMI	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS MATEMATIK DI DALAM BAHASA INGGERIS			
SPSS	STATISTICAL PACKAGE FOR THE SOCIAL SCIENCE			
UPSR	UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH			





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tuntutan ke arah peningkatan mutu profesionalisme perkhidmatan kakitangan kerajaan khususnya profession perguruan pada masa kini dan akan datang dilihat semakin mencabar. Perubahan-perubahan yang berlaku di dalam bidang pendidikan seperti pedagogi, kandungan dan sukanan pelajaran serta pengurusan pendidikan yang melibatkan pengurusan organisasi sekolah memerlukan kakitangan pendidikan khususnya guru-guru yang berketrampilan dari sudut ilmu mahupun sahsiah. Ini memerlukan pengurusan organisasi pendidikan samada di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah serta pentadbir sekolah melihat pekara ini sebagai salah satu unit yang amat penting dalam pengurusan organisasi mereka agar matlamat pendidikan yang ditentukan dapat dicapai.





Peranan guru kini bukan hanya sebagai penyampai maklumat dan pengetahuan semata-mata tetapi lebih kepada '*facilitatorship*' dan '*dispencer of knowledge*' kepada pelajar mereka (Arfah 1992). Ini bermakna pengetahuan guru harus sentiasa terkini dan sesuai mengikut arus semasa agar proses pendidikan dan mengilmukan pelajar tidak tinggal sebagai maklumat semata-mata. Selain daripada itu, kemahiran seperti metodologi pengajaran serta pengetahuan guru harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam kerjaya mereka agar iaanya dapat memotivasi dan meningkatkan kualiti kemahiran guru-guru di dalam bilik darjah. Hagen (1973), pula menyatakan bahawa perubahan yang cepat dalam pengajaran dan pembelajaran telah mewujudkan banyak isu-isu yang kritikal yang membenggu pengajaran guru di dalam bilik darjah. Justeru itulah guru-guru haruslah sentiasa diberi dan didedahkan dengan pengetahuan dari semasa ke semasa agar pengetahuan dan ilmu mereka sentiasa relevan dengan konteks pengajaran dan pembelajaran masa kini dan masa hadapan.

Dalam konteks Malaysia, latihan atau kursus dalam perkhidmatan telah diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia khusus bagi memberi latihan kepada guru-guru terlatih. Ini bersesuaian dengan saranan daripada **Suruhanjaya Aziz (1968)**;

"didapati latihan dalam perkhidmatan perlu dijalankan secara berterusan untuk membolehkan guru-guru mengetahui perkembangan terkini dalam pendidikan. Latihan Dalam Perkhidmatan akan membantu guru-guru mengetahui perubahan-perubahan dari segi isi dan kaedah serta mempertingkatkan pengetahuan asas dan kemampuan mereka".

Perakuan Suruhanjaya Aziz (1968)





Antara objektif perlaksanaan latihan dan kursus dalam perkhidmatan kepada guru ialah:

1. Untuk meningkatkan pengetahuan guru secara professional di samping menambahkan pengalaman mereka dalam pelbagai disiplin mata pelajaran.
2. Untuk mengorientasikan para guru kepada perkembangan baru dalam teknik dan kaedah pengajaran serta program kurikulum.
3. Untuk meningkatkan dan memotivasi guru.

(Kementerian Pelajaran Malaysia: 2005)

Mengikut **Mohd Sani Ibrahim (2001)** pula pendidikan yang berterusan perlu sentiasa dilakukan oleh Kementerian Pelajaran kepada para guru memandangkan ianya amat penting jika dilihat dari konteks beberapa pekara berikut:

1. Perubahan dalam persekitaran pendidikan itu sendiri
 - a. Perubahan kepentingan prestasi pihak sekolah yang menjadi fokus awam.
 - b. Bagi memenuhi aspirasi masyarakat.
 - c. Perkembangan keilmuan teori-teori pendidikan.
 - d. Banyak timbul masalah seperti prestasi akademik pelajar rendah, motivasi rendah.





2. Perubahan nilai sekolah dan nilai peribadi

- a. Nilai sekolah terhadap pengurusan sekolah telah berubah dan ini bagi memenuhi tahap kualiti dan perkhidmatan kepada komuniti dan masyarakat.
- b. Nilai peribadi guru yang mahu belajar dan meningkatkan profession mereka.

3. Perubahan dalam pengurusan sekolah.

- a. Dalam tahun 1980-an pengurusan berasaskan sekolah, pengurusan kolaboratif atau pembuatan keputusan secara bersama telah digunakan di seluruh dunia.
- b. Peranan guru sebagai professional pendidikan, pembelajaran ilmu dan teknologi baru, rakan pendidikan, pencetus reformasi, pembuat keputusan dan penggerak utama ke arah pencapaian keunggulan sekolah.

Mengikut Rohana (1994), dari aspek perancangan dan perlaksanaan latihan dan kursus ini beberapa institusi yang berkaitan dengan pendidikan memainkan peranan antaranya ialah:

- a. Bahagian Pendidikan Guru yang menyediakan kursus jangka pendek dan jangka panjang seperti Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu, Kursus 1 Tahun, Pensiswazahan Guru dan sebagainya.





- b. Maktab-Maktab Perguruan.
- c. Institut Aminuddin Baki yang menganjurkan seminar-seminar berkaitan pengurusan sekolah,
- d. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan.
- e. Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- f. Bahagian Biasiswa.
- g. Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah yang menganjurkan kursus berkaitan kurikulum, metodologi pengajaran, kursus motivasi, pengubalan soalan dan sebagainya.

Mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia (2005), sehingga tahun 2004

terdapat berbagai latihan dan kursus yang dilaksanakan samada bagi peningkatan profesionalisme guru mahupun sahsiah dan ketrampilan mereka. Antara latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan agensi di bawahnya adalah:

1. Kursus Information Communication Technology.
2. Kursus Dalam Perkhidmatan 8 Minggu Bestari.
3. Kejurulatihan Bahasa Inggeris.
4. Kursus Dalam Perkhidmatan 6 Minggu Conversion Science Mathematic.
5. Kursus Dalam Perkhidmatan 4 Minggu Orang Asli.
6. Jurulatih ETEMS
7. Kursus Dalam Perkhidmatan 2 Minggu Pra Sekolah.



8. Program Peningkatan Professionalisme Guru Sekolah
9. Peningkatan Profesionalisme Muzik
10. Kursus Sijil Perguruan Khas Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu.
11. Kursus Pendek Kelolaan Maktab.
12. Program Kemajuan Staf kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri.
13. Program Kemajuan Staf Kelolaan Bahagian Ikhtisas.
14. In House – Maktab Perguruan.
15. Pembudayaan dan Penyelidikan Maktab.

Selain daripada itu data yang diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri

 05-4506832 Pahang juga menunjukkan peningkatan yang ketara terhadap bilangan guru yang diberi peluang menghadiri latihan dan kursus dalam perkhidmatan setiap tahun. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan tersebut.



Jadual 1.1

Bilangan Guru Yang Mengikuti Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia

Tahun	Bilangan Guru
1994	119,262
1997	200,992
1999	127,427
2000	127,716
2001	220,548
2003	427,121
2004	622,911

Sumber: Mesyuarat Agihan Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan 2005, KPM.



Pewujudan latihan dan kursus dalam perkhidmatan ini hendaklah dilihat bukan sebagai satu aspek pinggiran yang hanya dilaksanakan sebagai pengisian program pendidikan guru oleh kementerian, jabatan, pejabat pelajaran daerah dan pihak pentadbiran sekolah semata-mata. Latihan dan kursus dalam perkhidmatan sebenarnya adalah satu alat penting kepada penjanaan semula atau '*reengineering*' kepada semua pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan terutamanya guru-guru supaya sentiasa dinamik dan bersedia ke arah perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku dan terus berlaku dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi pendidikan di samping berubahnya aspirasi masyarakat sekeliling mereka.





Justeru itulah kajian ini perlu dilaksanakan bagi melihat sejauhmanakah latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan selama ini memberikan kesan yang signifikan kepada pertambahan ilmu pendidikan kepada para guru dan kesesuaianya dalam konteks masa kini.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pendidikan yang berterusan kepada guru-guru terlatih sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pada kebiasaannya pihak pengurusan atasan pendidikan terutamanya Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah akan merangka kursus-

05 kursus yang perlu dihadiri oleh para guru dalam meningkatkan pengetahuan mereka samada bagi memantapkan kemahiran pengajaran guru di sekolah seperti kemahiran pedagogi, pemurnian sukatan pelajaran, membuat soalan peperiksaan atau pun kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan sahsiah diri.

Jika dilihat dari sudut perlaksanaannya ia banyak melibatkan kos samada dari sudut penggunaan tenaga, kemudahan tempat dan juga masa. Mengikut Rohana (1994), Kementerian Pelajaran Malaysia telah membelanjakan banyak wang bagi tujuan latihan dalam perkhidmatan ini pada setiap tahun. Oleh itu latihan atau kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan mestilah mendatangkan impak yang memuaskan atau dengan erti kata yang lain mencapai matlamat setiap



kursus yang di adakan samada yang bersifat jangka pendek mahupun untuk masa depan.

Seperti jadual 1.2, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membelanjakan banyak wang sebagai peruntukan kepada pengendalian latihan dan kursus dalam perkhidmatan.

Jadual 1.2

Peruntukan Kementerian Pelajaran Malaysia Untuk Latihan dan Kursus Dalam Perkhidmatan

Tahun	Peruntukan (RM)
1994	5,000,000.00
1997	71,000,000.00
2000	45,599,500.00
2001	60,149,320.00
2002	130,380,020.00
2003	273,570,306.00

Sumber: Mesyuarat Agihan Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan 2005, KPM.

Daripada jadual di atas peruntukan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia amat besar. Oleh itu adalah satu pembaziran yang amat ketara jika latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang dianjur dan dilaksanakan oleh semua agensi di bawah kementerian tidak mencapai matlamat dan hasil yang berkesan.



Mengikut data yang diperoleh dari Jabatan Pelajaran Negeri Pahang mengenai kos peruntukan untuk keseluruhan bagi tahun 2004, sejumlah RM 8,499,000.00 telah diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Sejumlah RM 8,333,793.00 telah dibelanjakan dengan 18,362 orang guru telah mengikutinya. Mengikut anggaran perkaitan sejumlah RM 453.90 kos yang diperuntukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri bagi memberi kursus kepada seorang guru.

Banyak kajian yang dilakukan sebelum ini bagi melihat sejauh mana latihan dan kursus dalam perkhidmatan ini berkesan dan memberi manfaat kepada setiap individu guru hanya melalui perspektif guru itu sendiri. Sangat sedikit penilaian keberkesanannya latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang diikuti oleh guru dinilai oleh pihak pentadbir kurikulum sekolah terutama di dalam bilik darjah.

Mengikut Mohd Sani Ibrahim (1994), kebanyakan kajian yang dilakukan dilihat hanya dari perspektif guru-guru yang terlibat dan sangat sedikit sahaja melalui perspektif pihak pengurusan di sekolah sedangkan pentadbir sekolah juga memainkan peranan penting dalam melihat keperluan guru-guru kepada peningkatan mutu professionalisme mereka.

Kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana tahap keberkesanannya kepada peningkatan kemahiran pengajaran guru dengan menggunakan pendekatan '*observation*' atau penilaian bilik darjah oleh pihak pengurusan kurikulum sekolah agar dapat mengetahui keberkesanannya dalam konteks pengamalan kemahiran pengajaran oleh guru yang telah mendapatkan latihan dan kursus





dalam perkhidmatan ini lebih telus. Dalam kajian ini ada beberapa persoalan kajian yang ingin dilihat iaitu:

1. Sejauh manakah latihan dan kursus dalam perkhidmatan memberi kesan kepada peningkatan tahap kemahiran mengajar guru di dalam bilik darjah.
2. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru mengikut faktor demografik seperti jantina, umur, kumpulan, jawatan, pengalaman mengajar dan opsyen mereka.



Mengkaji tentang tahap keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dalam mempertingkatkan kemahiran mengajar guru di dalam bilik darjah .

1.4 Objektif Kajian:

1. Menilai tahap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam peningkatan kemahiran pengajaran guru di dalam bilik darjah oleh pentadbiran kurikulum sekolah.
2. Mengkaji perbezaan terhadap tahap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran pengajaran guru di dalam bilik darjah mengikut faktor demografik.





1.5 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian



Dalam kerangka konsep kajian (rajah 1.1), pemboleh ubah bersandar adalah kemahiran mengajar guru di dalam bilik darjah dan pemboleh ubah bebas adalah terdiri daripada empat komponen keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan iaitu aspek perancangan pendidikan, penyampaian pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah dan penilaian pengajaran.

Dalam kerangka konsep kajian ini, tahap keberkesanan ke empat-empat aspek di dalam latihan dan kursus dalam perkhidmatan akan memberi kesan kepada peningkatan tahap kemahiran pengajaran guru di dalam bilik darjah. Sekiranya dapatan kajian terhadap ke empat-empat aspek ini menunjukkan tahap keberkesanannya yang tinggi maka satu rumusan boleh dibuat bahawa latihan dan kursus yang dilaksanakan sebelum ini mencapai matlamatnya. Begitu juga





sebaliknya jika didapati tahap keberkesanannya rendah ini memberi petanda bahawa latihan dan kursus yang dianjurkan mempunyai masalah dan sesuatu perlu dicari bagi mengatasi masalah yang wujud.

Selain daripada boleh ubah bebas, faktor demografik seperti jantina, umur, kumpulan perkhidmatan, jawatan dan pengalaman mengajar juga akan dikaji. Ini bagi menjelaskan sejauh mana keberkesanannya latihan dan kursus dalam perkhidmatan memberi kesan perbezaan antara kumpulan faktor demografik tersebut.

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatkan dan hasil kajian akan membolehkan satu gambaran yang jelas diperolehi sejauh manakah latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang di anjurkan selama ini berkesan dalam meningkatkan tahap kemahiran pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Ia juga sangat berguna dijadikan panduan oleh pihak-pihak yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri, Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Pejabat Pelajaran Daerah di dalam merancang dan melaksanakan kursus-kursus dalam perkhidmatan ini dalam membuat perancangan yang serupa pada masa akan datang. Selain daripada itu ia juga dapat memberi mesej kepada pihak perancang dan pelaksana apakah elemen-elemen yang masih boleh diperbaiki dan dipertingkatkan di dalam kursus-kursus dan latihan dalam perkhidmatan pada





masa akan datang agar pewujudannya bukanlah satu usaha yang sia-sia dan membazirkan masa, tenaga dan wang.

Secara tidak langsung kajian ini juga memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada para guru dan pihak pentadbir sekolah yang sering membuat interpretasi yang salah terhadap betapa pentingnya penilaian sesuatu program kepada pihak-pihak pengangur terutama Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah tertumpu hanya kepada guru-guru di 5 buah sekolah rendah dan 5 buah sekolah menengah di Bandar Jengka, Maran, Pahang sahaja.



Dapatan soal selidik ini juga hanya mengambarkan situasi sekolah di daerah yang dikaji dan tidak memberikan gambaran sebenar situasi yang serupa berlaku di seluruh negara.

Kajian ini hanya melihat program-program latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Pahang sepanjang tahun 2004 dan 2005 sahaja yang melibatkan peningkatan bidang kurikulum di sekolah. Antara kursus yang dikenal pasti ialah:

- Program Perkembangan Staf oleh Unit Kurikulum dan Unit Kualiti, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan Pejabat Pelajaran Daerah Maran.





- a. Kursus Intevesni Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik di dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).
 - b. Kursus Peningkatan Professionalisme Guru Pendidikan Islam 2005.
 - c. Kursus Ketatabahasa Bahasa Melayu dan Penggunaan Buku Teks Bagi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dan Rendah 2005.
 - d. Kursus Perkembangan Staf Guru Mata Pelajaran Ekonomi Asas 2005.
 - e. Kursus Pemantapan Guru Kemahiran Hidup 2005.
 - f. Kursus Orientasi Bahasa Inggeris.
 - g. Kursus “On Site” pemantapan perlaksanaan Pendidikan Jasmani
 - h. Kursus Orientasi KBSR Matematik Tahun 4 Negeri Pahang Tahun 2005.
- i. **Kursus Pemantapan Mata pelajaran UPSR Tahun 6 Sekolah-sekolah daerah Maran.**
 - j. Kursus Orientasi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR Tahun 5 Peringkat Negeri Pahang.
 - k. Kursus Abakus dan Arimetik Mental Guru Matematik tahun 2.





1.8 Hipotesis

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan di awal bab ini, beberapa hipotesis kajian telah di bentuk iaitu:

Ho 1a Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru lelaki dan perempuan.

Ho 1b Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru mengikut umur.



Ho 1c Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru mengikut kumpulan perkhidmatan.

Ho 1d Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru mengikut jawatan.

Ho 1e Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan





kemahiran mengajar di antara guru mengikut mata pelajaran yang diajar.

Ho 1f Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan kursus dan latihan dalam perkhidmatan dalam meningkatkan kemahiran mengajar di antara guru mengikut pengalaman mengajar.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Pentadbir kurikulum sekolah

Ianya merujuk kepada guru-guru yang berjawatan dan terlibat dalam merancang perlaksanaan dasar dan amalan pendidikan kurikulum di sekolah seperti Pengetua, Penolong Kanan Kurikulum, Ketua Bidang dan Ketua Panitia Mata Pelajaran.

1.9.2 Guru sekolah menengah dan rendah

Ianya merujuk kepada semua guru yang mengajar di sekolah menengah dan rendah yang dikaji samada mereka yang terdiri daripada guru siswazah ataupun guru yang bukan siwazah.





1.9.3 Penilaian

Mengikut Stufflebeam & Shinlefeield (1986), menyatakan penilaian merupakan tafsiran tentang nilai dan merit sesuatu perkara. Ini bermakna penilaian dalam konteks latihan dan kursus dalam perkhidmatan bermaksud memberi nilai berkaitan keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan dalam mempertingkatkan kemahiran mengajar guru.

Ianya merujuk kepada penilaian atau pencerapan oleh guru-guru pentadbiran kurikulum sekolah bagi melihat tahap keberkesanan dan kemahiran seseorang guru dalam proses pengajaran mereka kepada pelajar di dalam bilik darjah.

Guru-guru tersebut akan melihat dan menilai guru-guru yang terlibat dan

~~(05-4506832)~~ ~~(pustaka.upsi.edu.my)~~ ~~Perpustakaan Tuanku Bainun~~ ~~(tuankubainun@upsi.edu.my)~~ ~~(www.pustakatbainun.upsi.edu.my)~~ menentukan sejauh mana kemampuan mereka di dalam konteks keseluruhan aktiviti pengajaran di dalam kelas dari set induksi hingga ke penutup sesuatu sesi pengajaran.

1.9.4 Keberkesanan

Merujuk kepada darjah di mana kerja-kerja yang dilakukan seseorang individu mencapai matlamatnya. Dalam konteks kajian ini keberkesanan merujuk kepada sejauhmana latihan atau kursus dalam perkhidmatan memenuhi keperluan dan dapat membantu guru-guru dalam menjalankan tugas-tugas pengajaran di dalam bilik darjah.





1.9.5 Kemahiran Mengajar Guru

‘Meningkat’ bermaksud menambah banyak dan berubah kepada keadaan yang lebih baik. ‘Kemahiran’ membawa erti kecekapan atau kepandaian dan ‘mengajar’ bermaksud menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain (**Kamus Dewan, 2002**). Di dalam konteks kajian keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan ianya merujuk kepada kemahiran pengajaran guru di dalam bilik darjah dari aspek perancangan pendidikan, penyampaian pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah dan penilaian pengajaran.

Mengikut **Ee Ah Meng (1997)**, perancangan pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam pengajaran yang berkesan. Perancangan yang berkesan akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan mengurangkan masalah-masalah ~~disiplin dalam pengajaran. Antara perancangan pengajaran yang betul adalah penentuan objektif, topik, isi kandungan serta kebolehan pelajar. Selain daripada itu penentuan cara penyampaian juga perlu di ambil kira seperti apakah kaedah penyampaian yang digunakan, apakah bantu mengajar dan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran.~~

Mengikut **Mok Soon Sang (1991)**, penyampaian pengajaran dan pembelajaran pula merujuk kepada bagaimana seseorang guru menggunakan segala kaedah, strategi dan teknik di dalam pengajarannya. Ia meliputi pengaplikasian terhadap apa yang telah dirancang oleh guru untuk sesuatu sesi pengajarannya contohnya penggunaan pedagogi yang sesuai dengan aras kognitif dan afektif pelajar, bahan bantu mengajar yang menarik dan berkesan, komunikasi





lisan dan bukan lisan guru serta kesan pengajarannya kepada minat pelajar terhadap pengajarannya.

Menurut **Rajendran (2001)**, pengurusan bilik darjah merujuk kepada bagaimana seseorang guru itu mampu menyediakan persekitaran sosial dan fizikal bilik darjah yang positif dan menjaga kesejahteraan pelajar. Selain daripada itu ia juga dilihat sejauhmana seseorang guru itu mampu mengekalkan peraturan dan mengekalkan kawalan di kalangan pelajar mereka.

Penilaian Pengajaran adalah bagi menentukan sejauhmanakah objektif-objektif pelajaran telah tercapai seperti sejauh manakah pelajar memahami isi pelajaran serta dapat menggunakan di dalam situasi baru (**Ee Ah Meng, 1997**). Penilaian yang dijalankan boleh dijalankan secara lisan atau tulisan kepada pelajar. Konteks penilaian pengajaran juga boleh dirujuk kepada guru itu sendiri bagaimana mereka menilai secara keseluruhan proses pengajaran yang telah dilaksanakan seperti menilai kesesuaian isi kandungan, alat bantu mengajar yang digunakan dan strategi atau kaedah yang digunakan.

1.9.6 Kursus Dalam Perkhidmatan

Ia merujuk kepada aktiviti yang dijalankan dengan tujuan untuk membekalkan kemahiran kepada guru melaksanakan kurikulum dan meluaskan pengetahuan mereka mengenai sesuatu perkara seterusnya dapat memperkembangkan lagi kebolehan akademik, profesional dan pendidikan mereka terhadap prinsip pendidikan.



Bentuk kursus dalam perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Pahang pada tahun 2004 dan 2005 dan untuk dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Program Perkembangan Staf Oleh Unit Kurikulum dan Unit Kualiti, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan Pejabat Pelajaran Daerah Maran:
 - a. Kursus Intevesni Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik di dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).
 - b. Kursus Peningkatan Professionalisme Guru Pendidikan Islam 2005.
 - c. Kursus Ketatabahasa Bahasa Melayu dan Penggunaan Buku Teks Bagi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dan Rendah 2005.
 - d. Kursus Perkembangan Staf Guru Mata Pelajaran Ekonomi Asas 2005.
 - e. Kursus Pemantapan Guru Kemahiran Hidup 2005.
 - f. Kursus Orientasi Bahasa Inggeris.
 - g. Kursus “On Site” pemantapan perlaksanaan Pendidikan Jasmani
 - h. Kursus Orientasi KBSR Matematik Tahun 4 Negeri Pahang Tahun 2005.
 - i. Kursus Pemantapan Mata pelajaran UPSR Tahun 6 Sekolah-sekolah daerah Maran.
 - j. Kursus Orientasi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR Tahun 5 Peringkat Negeri Pahang.
 - k. Kursus Abakus dan Arimetik Mental Guru Matematik tahun 2.

1.10 Kesimpulan

Kajian tentang keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan telah banyak dilakukan oleh para penyelidik seperti **Mohd Sani Ibrahim (1994, 2001), Rosley Abdullah (1998), Abdul Hakim Mohd Isa (1998), Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) dan Mohamad Mortadza Bohari (2003)**. Walau bagaimana pun kajian yang menggunakan responden bebas iaitu mereka yang tidak terlibat secara aktif dalam mengikuti latihan dan kursus dalam perkhidmatan contohnya pentadbiran kurikulum sekolah jarang dilakukan dalam menilai keberkesanan latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri oleh para guru. Oleh itu kajian ini cuba menggunakan pendekatan '*observation*' ini sebagai satu kaedah dalam membuat penilaian terhadap kemahiran pengajaran guru kesan daripada latihan dan kursus



yang mereka ikuti dari semasa ke semasa.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi